



Halimah: Buku pertama silat seni gayong pasak sebar fakta sejarah; beri motivasi teruskan seni

27/3/2017 12:43 Update: 27/3/2017 14:28



SINGAPURA: Buku tempatan mengenai silat seni gayong pasak bukan sahaja mengajar tentang sejarah seni silat tersebut tetapi juga memberi motivasi kepada generasi untuk berusaha meneruskan seni silat itu.

Demikian kata Speaker Parlimen Halimah Yacob di pelancaran buku mengenai Persatuan Silat Seni Gayong Pasak Singapura petang tadi.

Selepas 75 tahun bertapak, persatuan Silat Seni Gayong Pasak Singapura menghasilkan buku pertamanya mengenai sejarah seni silat tersebut.

Diberi nama Silat Seni Gayong Pasak Singapura: Sebuah Warisan Sejarah, ia juga yang pertama seumpamanya diterbitkan di Singapura.

Menurut persatuan itu, walaupun sudah terdapat buku mengenai silat seni gayong di negara jiran, buku yang dihasilkannya mengandungi lebih banyak sejarah berlandaskan fakta.

Buku ini ditulis oleh pensyarah dan ahli sejarah di Jabatan Pengajian Asia Tenggara NUS, Dr Mohamed Effendy dan diterbitkan dalam bahasa Inggeris.

Menurut pengerusi bagi pelancaran buku tersebut, Che Abdullah: "Buku ini telah dibukukan dengan ilham supaya rakaman sejarah silat seni gayong terutama sekali dapat diabadikan jadi ini adalah salah satu sumbangan kita kepada masyarakat Melayu dan khususnya kepada pencinta-pencinta silat seni gayong sendiri."

Speaker Parlimen, Halimah Yacob turut memberikan pendapat: "Saya rasa ini adalah satu inisiatif kerana kita harus membukukan, mengadakan rekod yang baik tentang masa lampau, cerita, bagaimana seni pasak gayong ini sudah bermula."

"Bukan sahaja tentang sejarah kita tetapi tentang juga bagaimana buku ini dapat memberikan motivasi kepada generasi muda untuk lebih mengetahui tentang sejarah latar belakang silat seni gayong pasak dan supaya mereka juga dapat lebih mengambil tahu dan berusaha untuk terus meneruskan silat seni gayong pasak ini," katanya.

- BERITAMediacorp/im